

# ‘Kenaikan harga tiket 500 peratus melampau’

PM minta KPDNHEP ambil tindakan segera syarikat penerbangan kaut untung berlebihan

**Bera:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan pengendali syarikat penerbangan di negara ini, agar tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dengan menaikkan harga tiket ke Sabah dan Sarawak terlalu tinggi sempena musim perayaan ini.

Perdana Menteri menyifatkan, harga tiket berkenaan yang dilaporkan media naik sehingga 500 peratus sempena musim perayaan tahun ini sebagai ‘agak melampau’ kerana rakyat tidak mempunyai alternatif untuk ke negeri berkenaan, selain menaiki kapal terbang.

Susulan itu, beliau meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi untuk meneliti jika berlaku pelanggaran di ba-

wah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 berhubung kenaikan harga itu.

“KPDNHEP perlu tegas terhadap mana-mana pihak, tidak kira syarikat besar atau kecil yang mengambil untung berlebihan di bawah AKHAP.

“Tindakan segera perlu diambil untuk menjaga kepentingan rakyat. Kita tidak akan membiarkan peniaga mengambil kesempatan pada waktu (sambutan) hari raya atau puasa untuk memberi tekanan kepada rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pasar raya MG CoopMart milik Koperasi Pekebun Kecil Daerah Bera Berhad (Kopbera) dan Jualan Harga Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia Parlimen Bera di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar; Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah dan Pengerusi Kopbera, Tahzir Husain.

Selain KPDNHEP, Ismail Sabri berkata, beliau juga sudah meminta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mencari jalan penyelesaian bersama dengan pengendali syarikat pe-



Ismail Sabri menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada sebahagian anak yatim sempena Program Jelajah Semarak Ramadan di FELDA Tembangau 2, Bera, semalam. (Foto BERNAMA)

nerbangan bagi mengurangkan harga tiket dan beliau difahamkan pertemuan dengan pihak terbabit sudah berlangsung.

Isu harga tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak menjadi tajuk perbualan hangat sejak belakangan ini apabila harga dipaparkan pada laman web syarikat penerbangan dikatakan meningkat sehingga RM2,000 bagi penerbangan dua hala ke Sabah atau Sarawak, iaitu peningkatan kira-kira 566 peratus berbanding kebiasaan sekitar RM300 bagi perjalanan sama.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, mesyuarat jawatankuasa khas tangani kos sara hidup pada Jumaat ini akan meneliti cadangan beberapa kementerian khususnya KPDNHEP untuk memastikan harga barangan keperluan harian dijual pada harga munasabah dan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Mengulas mengenai kewujudan pasar raya oleh koperasi, Perdana Menteri menyatakan hasratnya untuk melihat lebih banyak koperasi menguasai ran-

taian peruncitan bagi memutuskan sistem orang tengah, yang akhirnya dapat membantu mengurangkan harga barang untuk manfaat pengguna.

Beliau berkata, perkara itu tidak mustahil untuk dilakukan kerana jumlah koperasi di negara ini adalah besar dan kerjasama erat antara koperasi membolehkan mereka terbabit pada peringkat pengeluaran, pengedaran, pemborongan dan peruncitan.

‘Perjuangan’ mengatasi harga orang tengah bukan baru bagi Ahli Parlimen Bera itu, kerana ia sudah mula dilakukannya sejak menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, malah beliau pernah mengisytiharkan 2014 sebagai tahun jihad untuk memeringi golongan berkenaan.

“Saya lancar jihad kerana kita tahu yang penentuan harga kadang-kadang dilakukan kumpulan kartel yang terdiri daripada orang tengah dan sebagainya. Waktu itu saya lihat sukarnya kehidupan nelayan yang selepas Isyak menyabung nyawa turun ke laut dan balik selepas Subuh.

“Orang tengah menunggu di tepi pantai dengan seluar yang tidak basah pun, tetapi mereka yang untung, manakala nelayan rugi kerana mereka mendapat harga murah (daripada orang tengah) dan pengguna juga rugi (kerana harga jualan tinggi),” kata Ismail Sabri.

Pada majlis berasingan, Perdana Menteri turut menyantuni warga Bera dengan menyampaikan sumbangan sempena program Jelajah Semarak Ramadan di Masjid Takwa FELDA Tembangau 2 sambil menyampaikan sumbangan kepada 134 penerima terdiri daripada golongan memerlukan yang menetap di Felda Tembangau 1 dan 2 sebagai persiapan menyambut Aidilfitri.

Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera turut meluangkan masa bertanya khabar penerima bantuan, sambil menasihati mereka agar menjaga kesihatan dan sentiasa mengenakan pelitup muka sebagai langkah meng-

BERNAMA